



S O A L A N

L A Z I M

F.A.Q.

Shared Service Management Procurement Shared Services

Kandungan di dalam buku ini adalah hak milik Tenaga Nasional Berhad. Ia tidak boleh disalin semula atau dicetak secara keseluruhan atau sebahagian kandungannya tanpa persetujuan bertulis dari Pihak TNB terlebih dahulu. Salinan dokumen yang dikawal secara rasmi ini adalah dokumen digital yang boleh dilihat oleh semua pelayar rangkaian laman rasmi Tenaga Nasional Berhad, yang bertujuan untuk berurusan dengan pihak Tenaga Nasional.

Semua salinan bercetak, salinan lampiran dan semua salinan versi elektronik termasuk pintasan ke rangkaian lain dianggap salinan yang tidak terkawal dan digunakan untuk rujukan sahaja. Mana-mana pihak tidak boleh menggunakan sebarang kandungan di dalam buku ini untuk melaksanakan sebarang prosiding perundangan terhadap pihak Tenaga Nasional Berhad.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
PRAKATA	2
SCMS SECARA UMUM	3 - 8
PENDAFTARAN BARU - ROS (Registration of Supplier)	9 - 12
PEMBAHARUAN/ KEMASKINI SIJIL - SUS (Supplier Self-Service)	13 - 16
PENYERTAAN TENDER (RFX RESPONSE)	17 - 19
PESANAN BELIAN ELEKTRONIK (e-PO)	20 - 21
LAMPIRAN	22 - 38

Sistem *Supply Chain Management* (SCMS) merupakan sistem Perolehan menggunakan persekitaran atas talian yang selamat untuk membolehkan TNB dan pembekal melaksanakan aktiviti Perolehan dengan cepat, cekap dan telus. SCMS juga dapat memudahkan interaksi dua hala di antara TNB dan pembekal serta memberi nilai tambah kepada kedua-dua pihak.

E-book yang bertajuk **SOALAN LAZIM** ini disediakan sebagai panduan kepada pengguna SCMS bagi memudahkan pengguna memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai proses Perolehan yang terdapat dalam SCMS. Dengan adanya e-book ini, diharapkan dapat menjawab soalan-soalan lazim yang selalu diutarakan oleh pengguna SCMS.

Bagi membolehkan pengguna mendapat maklumat yang terkini, kandungan e-book ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

SCMS SECARA UMUM

1. **Apakah SCMS dalam konteks pembekal?**

“SCMS” (*Supply Chain Management System*) adalah sistem yang membolehkan pembekal berurusan / bekerjasama dengan TNB secara atas talian bagi proses perolehan yang berkaitan.

2. **Bagaimana pembekal ingin mengakses SUS Portal?**

SUS Portal boleh diakses melalui pautan, <https://srm.tnb.com.my/irj/portal> dengan menggunakan ID dan Kata Laluan pembekal sendiri. Screenshot SUS Portal adalah seperti di bawah.



3. **Adakah ID pengguna dan kata laluan akan diberi kepada semua pembekal untuk mencapai SUS Portal?**

Tidak. ID pengguna dan kata laluan hanya akan diberikan kepada pembekal yang telah berjaya mendaftar sebagai pembekal TNB yang sah.

4. **Bolehkah SUS Portal dicapai di semua tempat?**

Boleh. Pembekal boleh mencapai SUS Portal di semua tempat yang mempunyai capaian internet.

5. **Sekiranya pengguna terlupa kata laluan, apakah yang perlu dilakukan?**

Sekiranya terlupa kata laluan, pengguna perlu menghantar emel ke E-Tender Support di alamat emel berikut :

 e-tendersupport@tnb.com.my

6. Adakah TNB menyediakan latihan atau kursus tatacara menggunakan sistem SCMS kepada pembekal?

Ada. TNB menyediakan latihan atau kursus tatacara kepada pembekal TNB yang berdaftar. Kursus dijalankan di **ILSAS, Bangi**, untuk maklumat lanjut sila layari laman sesawang seperti di bawah;

<http://tnbilsas.com.my/index.php/course/details/1021/scms03-supplier-relationship-management-for-supplier>

7. Adakah pembekal TNB yang mempunyai lebih daripada satu kontrak memerlukan lebih dari satu ID Pengguna dan Kata Laluan untuk mencapai *SUS Portal*?

Tidak. Setiap pembekal TNB hanya diberikan satu ID Pengguna dan Kata Laluan untuk mencapai *SUS Portal*.

8. Apakah keperluan teknikal yang minima bagi sesuatu komputer untuk mengakses sistem SCMS?

Sistem SCMS memerlukan:

I. Talian Internet

II. JAVA Version 1.6

III. Adobe Reader (PDF)

IV. Internet Explorer versi 8 dan ke atas seperti contoh di bawah.



[Cara untuk menyemak versi pelayar web Explorer anda.](#)

V. Tetapan *Compatibility View Setting*



[Cara untuk menetapkan 'Compatibility View Settings' pelayar web anda.](#)

Paparan ini akan dipaparkan jika *Compatibility View Setting* tidak dilakukan.

Error while processing your query

What has happened?
The URL call <http://sm.tnb.com.my/> was terminated because of an error.

Note

- The following error occurred in system SUP : **This browser is not supported**
- The error occurred on application server susapp01_SUP_01 and in work process 9 .
- The termination type was: ERROR_MESSAGE_STATE
- The ABAP call stack was:
 - Method: CLIENT_INSPECTOR_CREATE_CLIENT of program CL_WDR_CLIENT_ABSTRACT_HTTP---CP
 - Method: IF_HTTP_EXTENSION--HANDLE_REQUEST of program CL_WDR_MAIN_TASK-----CP
 - Method: EXCLUTE_REQUEST_FROM_MEMORY of program CL_HTTP_SERVER-----CP
 - Function: HTTP_DISPATCH_REQUEST of program SAPH_HTTP_RUNTIME
 - Module: %_HTTP_START of program SAPHHTTP

What can I do?

- If the termination type is RABAX_STATE, you will find more information on the cause of termination in system SUP in transaction ST22.
- If the termination type is ABORT_MESSAGE_STATE, you will find more information on the cause of termination on the application server susapp01_SUP_01 in transaction S421.
- If the termination type is ERROR_MESSAGE_STATE, you can search for further information in the trace file for the work process 9 in transaction ST11 on the application server. susapp01_SUP_01 . You may also need to analyze the trace files of other work processes.
- If you do not yet have a user ID, contact your system administrator.

Error Code: ICF-IE-Http -> 001 -> EV_PEROLEHAN -> E -> SUP -> susapp01_SUP_01 -> 9 -> 29170301 -> 125820 -> i: ERROR_MESSAGE_STATE -> This browser is not supported -> 0050568B006C1EE68FC7762EAD8C4CC_0050568B006C1EE68FC7762EAD8C4CC_0050568B006C1EE68FC7762EAD8C4CC_0050568B006C1EE68FC7762EAD8C4CC

HTTP 500 - Internal Server Error
Your SAP Internet Communication Framework Team

VI. Microsoft Windows versi XP dan ke atas.



[Cara untuk menyemak versi Microsoft Windows anda.](#)

9. **Bagaimanakah Pembekal boleh membuat semakan selepas melaksanakan sebarang proses di dalam *SUS Portal*?**

Apabila sebarang proses telah dilaksanakan, pembekal hanya boleh membuat semakan status tersebut melalui *SUS Portal*. Contoh semakan yang boleh dilakukan adalah seperti di bawah.

9.1 **e.Tender**

Log masuk *SUS Portal*, klik tab ***Rfx and Auctions***. Untuk membuat semakan status Rfx Response

Event Number	Event Description	Event Type	Event Status	Start Date	End Date	Response Number	Response Status	Event Version	Response Version	Q&A
6717	Tender Fee Testing YSR	Quotation	Published		31.05.2018		No Bid Created			0
6664	Testing Mainhead Azlen	Single Envelope	Published	27.04.2017	27.04.2017	5784	Accepted			0
6592	TE Supplier Training (20 Feb 2017) #1	Two Envelope	Published	20.02.2017	20.02.2017	5404	Submitted			0
6497	SE Supplier Training (20 Feb 2017)	Single Envelope	Published	20.02.2017	20.02.2017	5372	Submitted			0

9.2 **e-PO**

Log masuk *SUS Portal*, klik tab ***Purchase Order***. Untuk menyemak status *Purchase Order*

Document Number	Document Name	Document Date	Status	Total Value	Purchase Order No.
0000004715	PO	18.02.2017	New	100.000,00 MYR	0020803808
0000004678	PO	18.02.2017	Confirmed	100.000,00 MYR	0020803806
0000004408	PO	03.02.2017	Confirmed	11.500,00 MYR	0020803600
0000004349	PO	03.02.2017	Confirmed	12.000,00 MYR	0020803467
0000004260	PO	02.02.2017	Confirmed	10.000,00 MYR	0020803318

9.3 Pembaharuan Sijil

Log masuk *SUS Portal*, klik pada tab **Maintain Certificates / Supplier Details** untuk menyemak status pembaharuan yang telah dibuat.

Maintain Certificates / Supplier Details							
Supplier Information		Supplier LAD Details	Supplier PS Details				
Kementerian Kewangan (KK) - Supply/Services							
Renew Delete Details Preview Certificate							
*KK Type	*Certificate Number	*Cert Validity Date	Cert No (Bumi)	Cert Val Date (Bumi)	Active Status	Application date	Process Date
KK Supply/Services	45464575	27.03.2014			EXPIRED		
KK Supply/Services	456789	07.10.2017			RENEW APPROVED	07.10.2016	07.10.2016
KK Supply/Services	123456	20.02.2018	654321	20.02.2018	RENEW APPROVED	00.02.2017	20.02.2017
KK Supply/Services	00000000	08.12.2018	00000000	08.12.2018	RENEW APPROVED	09.12.2016	09.12.2016
Kementerian Kewangan (KK) - Consultancy							
Renew Delete Details Preview Certificate							
KK Type	*Certificate Number	*Cert Validity Date	Cert No (Bumi)	Cert Val Date (Bumi)	Active Status	Application Date	Process Date
KK Consultancy	KKKO4589	29.06.2014			EXPIRED		
KK Consultancy	123456	30.09.2017			RENEW APPROVED	23.09.2016	23.09.2016
KK Consultancy	123456	07.10.2017			RENEW APPROVED	07.10.2016	07.10.2016
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan – BPKU (Bumiputera Status)							
Renew Delete Details							
*Certificate Number	*Cert Validity Date	Active Status	Application date	Process Date			
4647423	28.03.2014	EXPIRED					
223452345	28.09.2017	RENEW APPROVED	03.09.2016	23.09.2016			
789456	07.10.2017	RENEW APPROVED	07.10.2016	07.10.2016			
KK123	10.11.2017	RENEW APPROVED	1.11.2016	11.11.2016			

10. **Bagaimanakah cara untuk pembekal berkomunikasi dengan pihak TNB jika mempunyai masalah semasa menggunakan sistem *SCMS*?**

Masalah bukan teknikal : Sekiranya pembekal mempunyai masalah untuk menjawab tender, pembekal boleh berkomunikasi dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap urusan tender tersebut, di mana nama mereka tercatat di iklan tender.

Masalah teknikal : Pembekal boleh menghubungi ***E-Tender Support*** seperti di bawah:

Emel : e-tendersupport@tnb.com.my

Telefon : 03-8929 9595 (pilih nombor 1)

Fax : 03-2776 7900


11. **Adakah semua pembekal akan berurusan secara atas talian?**

Ya. Semua pembekal yang berdaftar dan dikenali sebagai *SUS Supplier* akan berurusan secara atas talian. Pembekal perlu berstatus pembekal tetap untuk membolehkan akses kepada *SUS Portal* diberikan.

12. **Bagaimana jika pembekal masih belum menjadi *SUS Supplier*?**

Mereka tidak boleh melaksanakan sebarang urusan dalam talian melalui *SUS Portal*, akibatnya, mereka tidak boleh memperbaharui sijil, menyertai tender, menerima pesanan belian dan menghantar invois.

*Perlu mendapatkan ID pengguna dan kata laluan sementara terlebih dahulu daripada E-Tender Support, seterusnya mengakses pautan seperti contoh gambar di bawah bagi mengaktifkan *SUS Portal* dan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan.



Sila [klik di sini](#) untuk pengaktifan *SUS Portal*

13. **Adakah tender diproses secara atas talian?**

Ya. Tender diproses secara atas talian iaitu melalui sistem SCMS. Tender akan dikenali sebagai **RFx**. RFx adalah akronim bagi (*Request for x*) di mana **X** adalah pembolehubah.

14. **Mengapa terdapat petender yang tidak menerima pemberitahuan atau jemputan untuk menyertai tender?**

1. Petender tidak mengemaskini alamat emel.
2. Petender tidak memenuhi syarat tender yang telah ditetapkan.

15. **Adakah maklumat pembekal di dalam SCMS boleh dilihat atau diperolehi oleh syarikat lain?**

Tidak. Maklumat pembekal hanya boleh diakses oleh wakil yang dibenarkan oleh syarikat berkenaan menggunakan ID Pengguna dan kata laluan masing-masing serta staf TNB yang dibenarkan sahaja.

16. **Siapakah yang perlu dihubungi jika dokumen tender di dalam RFx tidak boleh dibuka?**

Pembekal boleh menghubungi *E-Tender Support* seperti talian di bawah:

E-mail : e-tendersupport@tnb.com.my
Tel : 03-8929 9595 (pilih nombor 1)
Fax : 03-2776 7900

18. **Adakah sistem e-Tender merangkumi semua jenis tender?**


Tidak. Sistem e-Tender digunakan untuk semua tender kecuali untuk tender antarabangsa dan rundingan terus.

19. **Bolehkah Fi Tender (Tender Fee) dibayar secara berperingkat?**

Tidak. Fi Tender perlu dibayar secara penuh oleh pihak pembekal yang berminat untuk menyertai tender yang diiklankan.

20. **Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pembekal layak menyertai sesuatu tender berdasarkan iklan tetapi tidak mendapat notifikasi?**

Pembekal boleh berjumpa dengan Pemula supaya maklumat boleh dikemaskini di dalam RFX, bagi membolehkan pembekal tersebut menyertai tender yang dimaksudkan.



1. Apakah syarat-syarat untuk menjadi pembekal TNB?

Syarat utama adalah syarikat / perniagaan yang diperbadankan di Malaysia, perlu berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Kementerian Kewangan Malaysia** dan/atau **Construction Industry Development Board (CIDB)**. Jenis perniagaan yang boleh berdaftar :

- 1.1 Pemilikan Tunggal
- 1.2 Perkongsian
- 1.3 Perusahaan (*Enterprise*)
- 1.4 Syarikat Persendirian & Awam Berhad
- 1.5 Firma / Badan-badan professional iaitu Firma Undang-Undang, Akauntan, Jurukur, Jurunding & Jurutera

2. Apakah maklumat dan dokumen syarikat atau perniagaan yang perlu disertakan untuk pendaftaran baharu?

Syarikat yang berminat untuk berdaftar perlu memasukkan (*key-in*) maklumat lengkap yang terkini dan melampirkan dokumen yang telah disahkan seperti berikut :

- 2.1 Penyata terkini akaun bank dan nama pemegang akaun bank hendaklah sama dengan nama syarikat yang memohon.
- 2.2 Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) : Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera (sekiranya ada).
- 2.3 Salinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB): Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
- 2.4 Salinan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) sekiranya ada.
- 2.5 Maklumat SSM:
 - Syarikat Persendirian/Awam Bhd : Profail/maklumat Syarikat yang boleh diperolehi secara atas talian atau daripada pejabat SSM sebanyak 6 mukasurat.
 - Syarikat Perusahaan (Enterprise) : Borang D/E berserta maklumat perniagaan & pemilik sebanyak 3 mukasurat.
- 2.6 Surat kelulusan pendaftaran (*Sales & Services Tax*) SST yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia sekiranya ada.

3. Adakah semua salinan dokumen yang dilampirkan perlu disahkan dan siapakah yang boleh membuat pengesahan tersebut?

Ya, semua salinan dokumen yang dilampirkan hendaklah **disahkan** oleh Pesuruhjaya Sumpah / Setiausaha Syarikat/Pegawai Kerajaan Kelas A / Penghulu atau Eksekutif TNB **kecuali** penyata bank perlu disahkan oleh pihak bank berkenaan. **Kegagalan untuk memajukan dokumen yang disahkan akan menyebabkan permohonan ditolak.**

PENDAFTARAN BARU – ROS (REGISTRATION OF SUPPLIER)

4. **Berapa lamakah tempoh minimum sah laku sijil-sijil yang boleh diterima untuk tujuan pendaftaran?**
Sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia/CIDB, Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Pendaftaran Perniagaan ROB (SSM) hendaklah sah sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** dari tarikh permohonan.
5. **Adakah caj dikenakan untuk pendaftaran atau kemaskini sijil?**
Ya. Pembayaran berjumlah **RM50.00** perlu dibayar untuk setiap kali pendaftaran atau kemaskini yang dilakukan. Pembayaran boleh dibuat melalui dua cara:
 - i. Pembayaran atas talian : Pembayaran boleh dibuat melalui *SUS Portal*
 - ii. Pembayaran secara manual : Perlu mendapatkan invois bercukai daripada Unit Pendaftaran dengan menghantar emel ke Resit-Vendor@tnb.com.my sebelum membuat bayaran di Pusat Khidmat Pelanggan TNB yang terdekat
6. **Bagaimanakah cara untuk mendaftar sebagai pembekal TNB?**
Pembekal boleh mendaftar sebagai pembekal TNB dengan melayari laman sesawang TNB dan klik pada “Register As TNB Suppliers”

The screenshot shows the TNB Suppliers Registration page. The navigation bar at the top includes links for Home, Business with TNB, Suppliers, Tender Prices, and Tender Notices. The main content area features a large image of two men shaking hands, a 'SUPPLIERS' section with a brief description, and a sidebar with a list of links. The 'REGISTER AS TNB SUPPLIER' link is highlighted with a red box.

TENDER PRICES
Find out about tender prices here.
[READ MORE](#)

TENDER NOTICES
Find out about tender notices here.
[READ MORE](#)

REGISTER AS TNB SUPPLIER

PENDAFTARAN BARU – ROS (REGISTRATION OF SUPPLIER)

7. **Bagaimana cara untuk masukkan kod bidang di dalam *SUS Portal*?**

Contoh paparan kod bidang adalah seperti di bawah;

LAMPIRAN A

NO SIJIL :
NO RUJUKAN PENDAFTARAN :
TEMPOH SAH LAKU : 20/06/2017 - 19/06/2020

BIL	TARIKH DAFTAR BIDANG	KOD BIDANG	KETERANGAN	STATUS
1	20/06/2017	020302	AGEN PENGEMBARAAN	Aktif

Tarikh Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia : 20/06/2017

Page 1 of 1

Sila [klik di sini](#) untuk melihat langkah memasukkan kod bidang.

8. **Bolehkah pembekal mendaftar sebagai pembekal TNB tanpa sijil KKM atau CIDB?**

Tidak. Pembekal tidak boleh mendaftar sebagai pembekal TNB tanpa sijil KKM atau CIDB.

9. **Bolehkah pembekal datang ke pejabat untuk mendaftar secara manual?**

Tidak boleh. Pembekal perlu melakukan pendaftaran secara atas talian sahaja melalui sistem ROS.

10. **Bolehkah syarikat asing mendaftar untuk menjadi pembekal TNB?**

Tidak. Pada masa ini pendaftaran hanya untuk syarikat yang berdaftar di Malaysia sahaja.

11. **Berapa tempoh masa yang diambil untuk mendapatkan kelulusan pendaftaran sebagai pembekal TNB?**

Kelulusan pendaftaran adalah dalam tempoh 10 (sepuluh) hari bekerja dan sebarang status sama ada pendaftaran berjaya atau tidak akan dihantar melalui emel.

12. **Bilakah pembekal perlu membuat pembayaran selepas mendaftar?**

Pembekal perlu membuat pembayaran selepas menerima emel perakuan dari pihak TNB .

13. **Bagaimanakah cara untuk memajukan resit pembayaran kepada unit pendaftaran?**

Pembekal perlu memajukan resit yang dibayar secara manual kepada:

- i. Fax : **03-2776 7900**
- ii. Emel : **Resit-Vendor@tnb.com.my**

Pembekal tidak perlu memajukan resit untuk pembayaran yang dibuat secara atas talian.

14. **Berapa lamakah kelulusan diberikan selepas pembayaran dibuat?**

Kelulusan diberikan dalam tempoh 3 (tiga) hari bekerja.


15. **Apakah tindakan yang perlu dibuat sekiranya permohonan ditolak?**

Pembekal perlu membuat permohonan semula serta melengkapkan semua keperluan yang dinyatakan di dalam emel penolakan tersebut.

17. **Siapakah yang perlu dihubungi sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran pembekal TNB?**

Pembekal boleh menghubungi **Unit Pendaftaran** seperti talian di bawah:

Telefon : **03-8929 9595 (pilih nombor 2)**



1. **Bagaimana cara untuk memperbaharui/kemaskini sijil pendaftaran TNB?**

Proses pembaharuan/kemaskini sijil pendaftaran TNB hendaklah dilakukan secara atas talian melalui *SUS Portal* TNB.

Sila [klik di sini](#) untuk mendapatkan panduan proses pembaharuan/kemaskini sijil pendaftaran TNB


2. **Bagaimana cara untuk mengemaskini kod bidang tambahan bagi sijil KKM selepas permohonan pembaharuan sijil diluluskan TNB?**

Sebarang kemaskini kod bidang tambahan perlu dilakukan sendiri oleh pembekal secara atas talian melalui *SUS Portal* sahaja.

3. **Bagaimana cara untuk mengemaskini alamat syarikat?**

Sila majukan permohonan berserta contoh **Borang Section 46 SSM** (dahulunya dikenali sebagai **borang 44 SSM**) seperti contoh yang diberikan ke alamat emel di bawah.

 e-vendor_perolehan@tnb.com.my



Company No.

10 cm
15 cm

COMPANIES ACT 2016
Section 46(3)
NOTIFICATION OF CHANGE IN THE REGISTERED ADDRESS

_____(Company Name)

New Address :

Date of change of address :

Declaration:
I confirm that the facts and information stated in this document are true and to the best of my knowledge.

Signed:

(Secretary)

Name :
License no/ Membership No. :
SSM Practicing Certificate No. :
Date :

Attention:
It is an offence under section 591 of the Companies Act 2016 to make or authorize the making of a statement that a person knows is false or misleading and that person may be liable, upon conviction, to imprisonment for a term not exceeding ten years or to a fine not exceeding RM3million or to both.

LODGER INFORMATION

Name :
NRIC No :
Address :
Phone No :
Email :

4. **Bagaimana cara untuk mengemaskini data syarikat (no. telefon/no faks)?**

Pembekal perlu majukan permohonan beserta butiran berkenaan ke alamat emel di bawah:

 e-vendor_perolehan@tnb.com.my

5. **Bagaimana cara untuk mengemaskini alamat emel?**

Pembekal boleh mengemaskini sendiri alamat emel melalui *SUS Portal*.

Sila [klik di sini](#) untuk mendapatkan panduan yang berkaitan . **Rujuk Proses 2**

6. **Berapa tempoh masa yang diambil untuk mendapatkan kelulusan pembaharuan sebagai pembekal TNB?**

Kelulusan pembaharuan adalah dalam tempoh 10 (sepuluh) hari bekerja dan sebarang status sama ada berjaya atau tidak akan dihantar melalui emel.

7. **Apakah tindakan yang perlu dibuat sekiranya permohonan pembaharuan ditolak?**

Pembekal perlu membuat permohonan semula serta melengkapkan semua keperluan yang dinyatakan di dalam emel penolakan tersebut.

8. **Bagaimana proses untuk menukar nama syarikat?**

Pembekal perlu memajukan **Borang 13 SSM** seperti contoh diberikan ke alamat emel di bawah:

 e-vendor_perolehan@tnb.com.my



PEMBAHARUAN / KEMASKINI SIJIL – SUS (SUPPLIER SELF SERVICE)

9. **Siapakah yang perlu dihubungi untuk sebarang pertanyaan mengenai invoice bercukai?**
Sebarang pertanyaan mengenai isu invoice bercukai, pembekal boleh menghubungi talian di bawah :
Telefon : **03-8929 9595 (pilih nombor 2)**
Emel : **Resit-Vendor@tnb.com.my**

10. **Siapakah yang perlu dihubungi untuk sebarang pertanyaan mengenai status pembaharuan atau sebarang isu pendaftaran?**
Sebarang pertanyaan mengenai status pembaharuan atau isu pendaftaran, pembekal boleh menghubungi **Unit Pendaftaran** seperti talian di bawah :
Telefon : **03-8929 9595 (pilih nombor 2)**

11. **Bagaimana cara untuk mendapatkan ID pengguna dan kata laluan bagi mengakses *SUS Portal*?**
Untuk mendapatkan ID pengguna dan kata laluan, sila hubungi talian atau emel di bawah :
No. Tel : **03-8929 9595 (pilih nombor 1)**
E-mail : **e-tendersupport@tnb.com.my**

12. **Bagaimana cara untuk pembekal mencetak sijil pendaftaran TNB yang telah diluluskan?**



Sila [klik di sini](#) bagi langkah untuk mencetak sijil pendaftaran di dalam *SUS Portal*.

PEMBAHARUAN / KEMASKINI SIJIL – SUS (SUPPLIER SELF SERVICE)

13. Bagaimana cara untuk mengemaskini nombor pendaftaran GST?

Pembekal perlu memajukan surat kelulusan pendaftaran GST (seperti contoh di bawah) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia ke alamat emel di bawah;

 GST-vendor@tnb.com.my


	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PUSAT PEMROSESAN GST ARAS 1, BLOK A, KOMPLEKS KASTAM WPKL, JALAN SS 6/3, KELANA JAYA 47300 PETALING JAYA SELANGOR	
	Telefon : 03-78067200 / 1-300-88-8500 Faksimile : 03-78067599 Laman Web : www.gst.customs.gov.my E-Mel : ccc@customs.gov.my	
		Ruj Kami : Tarikh : 18-12-2014 No. CBP : Stesen : Kuala Lumpur
46050 PETALING JAYA SELANGOR		
Tuan,		
KEPUTUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN DI BAWAH SEKSYEN 21 AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN : PENDAFTARAN NORMAL		
Perkara di atas dirujuk. Dimaklumkan bahawa permohonan tuan telah diluluskan. Maklumat pendaftaran akaun tuah adalah seperti berikut:		
Tarikh Permohonan	:	08-12-2014
Tarikh Kuatkuasa Pendaftaran	:	01-04-2015
Asas Perakaunan	:	Asas Akruan
Tempoh Bercukai	:	Bulanan
Tempoh Bercukai Pertama	:	01-04-2015 hingga 30-04-2015
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	:	31-05-2015
Tempoh Bercukai Kedua	:	01-05-2015 hingga 31-05-2015
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	:	30-06-2015
Tempoh Bercukai Berikutnya	:	Setiap Bulanan
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	:	Hari terakhir bulan berikutnya setelah tamat tempoh bercukai
Stesen Mengawal & Alamat	:	Stesen Kuala Lumpur Pengarah Kastam Negeri WPKL Kompleks Kastam WPKL 22, Jalan SS 6/3 Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya



Kembali ke Isi Kandungan

PENYERTAAN TENDER (RFx RESPONSE)

1. **Bagaimana petender boleh mendapat maklumat/pemberitahuan sesuatu tender/ RFx daripada TNB?**
Petender akan mendapat maklumat melalui emel daripada TNB (seperti contoh diberikan) atau semakan boleh dibuat melalui sistem SCMS (*SUS Portal*).
Terdapat juga tender yang diiklankan melalui surat khabar, laman sesawang TNB dan papan kenyataan di pejabat TNB.



2. **Bagaimana cara untuk petender menyertai e-Tender?**
Petender perlu akses ke sistem SCMS dan memilih tender yang ingin disertai. E-Tender di dalam SCMS juga dikenali sebagai RFx.
 - 2.1 Sila [klik di sini](#) untuk mengetahui cara menyertai **e-Tender Satu Sampul Surat**
 - 2.2 Sila [klik di sini](#) untuk mengetahui cara menyertai **e-Tender Dua Sampul Surat**
3. **Bagaimana cara untuk petender membuat pembayaran fi tender (*tender fee*)?**
Pembayaran fi tender boleh dibuat secara atas talian (*online*) dengan cara petender mengakses ke dalam SUS Portal dan memilih RFx yang berkaitan di mana aplikasi pembayaran atas talian (*online*) terdapat di dalam RFx tersebut.

Sila [klik di sini](#) untuk mendapatkan panduan untuk membuat pembayaran fi tender secara atas talian.

4. Sekiranya pembayaran belum dibuat adakah petender boleh melihat dokumen tender terlebih dahulu?

Ya. Petender boleh melihat atau memuat turun dokumen tender melalui *SUS Portal* sebelum membuat pembayaran, tetapi tidak boleh memuatnaik sebarang dokumen melalui sistem, kerana butang **Create Response** masih belum wujud.

5. Bagaimana petender boleh mengetahui harga sesuatu tender?

Petender perlu mengakses *SUS Portal* dan membuka tender/RFx tersebut, di mana maklumat mengenai harga tender akan dipaparkan seperti di bawah.

Display RFx : 5456

RFx Number 5456 RFx Name SE - Supplier Training MAC RFX Status Published RFx Start Date 10.03.2016 15:00:00 UTC+8
 Submission Deadline 11.03.2016 08:00:00 UTC+8 Remaining Time RFx Number 0 Days 00:00:00 RFx Owner D_SP1 RFx Version Number
 RFx Version Type Active Version RFx Response 000003951

Close Print Preview Refresh Questions and Answers (0) Export

RFX Information Items Notes and Attachments

RFX Parameters Questions Note and Attachments Conditions

Time Zone: UTC+8
 Start Date: 10.03.2016 15:00:00
 Tender Closing Date: 11.03.2016 08:00:00
 Tender Validity Date: 31.10.2016
 Currency: MYR
 Reference No:

Tender Fee exclusive of GST: * 0.00
 Tender Fee inclusive of GST: * 53.00
 Tender Fee Submission Deadline: 00:00:00

6. Di manakah petender boleh melihat informasi lengkap mengenai tender/RFx tersebut?

Petender boleh melihat informasi lengkap mengenai sesuatu tender di tab **note and attachments**, di bawah **attachments** dan **collaboration folder** seperti paparan di bawah.

Display RFx : 4000019398

RFx Number 4000019398 RFx Name BEKAL & PASANG WORKSTATION TNBD KL Type Quotation Status Published Created On 12.07.2017
 Number of Suppliers 633 Number of Items 1 Version Type Active Version

Edit Close Refresh Copy Check Responses and Awards Create Follow-on RFx Export Print Preview Questions and Answers (0)

RFX Information Bidders Items Notes and Attachments Conditions Weights and Scores Approval Tracking

Notes
 Add Clear
 Assigned To Category Text Preview
 Document Header Tendering text SILA RUJUK IKLAN DILAMPIRAN

Attachments(Tender Notice, Tender Amendment Details)(Maximum size to upload is 10 MB)
 Add Attachment Edit Description Versioning Delete Create Qualification Profile

Assigned To	Category	Description	File Name	Version	Processor	Visible Internally
Document Header	Standard Attachment	PANDUAN - TENDER FEE	FILE0001	1		<input type="checkbox"/>
Document Header	Standard Attachment	IKLAN SEBUTHARGA - BERBAYAR	FILE0001	1		<input type="checkbox"/>
Document Header	Standard Attachment	SPESIFIKASI	FILE0001	1		<input type="checkbox"/>
Document Header	Standard Attachment	BQ (EXCEL)	FILE0001	1		<input type="checkbox"/>
Document Header	Standard Attachment	BQ (PDF)	FILE0001	1		<input type="checkbox"/>

Collaboration
 Create Assign Delete
 Collaboration
 Collaboration RFx 4000019398 Created on 12.07.2017

7. **Apakah jenis fail yang boleh dimuatnaik ke dalam sistem apabila menyertai tender/RFx?**
Jenis fail yang boleh dimuatnaik ke dalam sistem adalah di dalam format **WORD, EXCEL** dan **PDF** sahaja.
8. **Adakah petender perlu menghantar sebarang dokumen bercetak kepada pihak TNB?**
Tidak, semua dokumen perlu dihantar kepada TNB secara atas talian melalui *SUS Portal*.
9. **Bagaimanakah caranya jika terdapat sebarang perubahan yang ingin dilaksanakan oleh petender selepas menghantar *response* tender/RFx?**
Petender boleh membuat sebarang perubahan sehinggalah sampai tarikh tutup tender tersebut dengan cara menekan butang **EDIT**. Setelah perubahan dibuat, petender perlulah menekan butang **SUBMIT** semula. Sila pastikan status *response* petender mesti berstatus **SUBMITTED**. Sekiranya status *response* petender adalah **saved**, maka ia tidak akan dinilai.
- Sila [klik di sini](#) bagi mengetahui langkah untuk membuat perubahan selepas response RFx dihantar.
10. **Bolehkah *response* petender yang telah dihantar sebelum tarikh tutup tender dilihat oleh pihak lain?**
Tidak. Hanya pengguna yang mempunyai ID pengguna bagi petender tersebut sahaja yang boleh melihat *response* petender. Selain itu, tiada siapa yang boleh melihat sebarang *response* petender termasuk anggota kerja TNB.
11. **Bagaimana sekiranya petender inginkan penjelasan lanjut mengenai sesuatu tender tersebut?**
Petender boleh menghubungi Pemula/RFx *Creator*, di mana nama dan nombor telefon dinyatakan di dalam iklan bagi RFx yang berkaitan seperti gambar di bawah.

TENDER NO	TENDER TITLE	CATEGORY	COST OF DOCUMENT & PAYABLE TO	CLOSING DATE (12.00 NOON)	SUBMISSION OF TENDER DOCUMENT
